



# POLISI INTERVENSI KKP

## OSH INTERVENTION POLICY

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yakin bahawa tiada operasinya yang perlu dilaksanakan dengan mendesak tanpa mengutamakan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan masih mencapai keputusan yang diperlukan. UMPSA mengiktiraf INTERVENSI KKP sebagai kunci ke arah budaya proaktif KKP untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta mencegah sebarang risiko atau pendedahan kepada kecederaan, kemudaratan kesihatan, kerosakan harta benda, atau kesan buruk terhadap alam sekitar. INTERVENSI KKP dirujuk sebagai tindakan dengan niat untuk terlibat dalam sebarang situasi tindakan tidak selamat atau keadaan tidak selamat bagi memperbaiki atau mencegahnya daripada menjadi lebih buruk.

*Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) believes that none of its operations is so urgent that it cannot be done while prioritising Occupational Safety and Health (OSH) and still achieve the required results. UMPSA recognises OSH INTERVENTION as a key towards a proactive culture of OSH to maintain a safe and healthy working environment and to prevent any risk or exposure to injury, ill-health, property damage, or adverse effects to the environment. OSH INTERVENTION is defined as an intentional act to be involved in any unsafe act or unsafe condition's situation in order to improve it or prevent it from getting worse.*

UMPSA komited untuk memperkasakan semua staf, pelajar, dan orang awam dengan memberi tanggungjawab dan kuasa, tanpa mengira jawatan, umur, atau pusat tanggungjawab untuk melaksanakan INTERVENSI KKP walaupun ia akan melibatkan terhentinya tugas dalam mana-mana situasi dalam keadaan orang itu, pada pendapat atau pertimbangannya menyifatkan aktiviti sedemikian sebagai tindakan tidak selamat atau keadaan tidak selamat atau kedua-duanya. Tugas yang telah dihentikan melalui INTERVENSI KKP hanya boleh diteruskan setelah tindakan pembetulan diambil.

*UMPSA is committed to empowering all staffs, students, and the public by delegating responsibility and authority, regardless of his or her position, age, or responsibility centre to raise OSH INTERVENTION even if it will involve stopping the current task in any situation where that person, in his or her opinion or judgement, deems such activity as either an unsafe act or unsafe condition or both. The task that has been intervened can only be resumed after corrective action has been taken.*

INTERVENSI KKP perlu dilaksanakan secara suci hati, berhemah, dan dengan rasa hormat. Sekiranya tiada tindak balas positif selepas intervensi dilaksanakan, personel hendaklah dengan segera memaklumkan kepada pihak atasannya atau Jawatankuasa KKP di pusat tanggungjawabnya atau OSHMO untuk tindakan selanjutnya.

OSH INTERVENTION shall be raised in good faith, good manner, and with respect. If there is no positive response after the intervention is raised, personnel shall immediately inform his or her superior or OSH Committee in charge at his or her responsibility centre or OSHMO for further action.

INTERVENSI KKP perlu dilaksanakan dengan segera sekiranya perlu. Ia boleh menyelamatkan nyawa.

There should be no delay in raising OSH INTERVENTION if the need arises. It can save lives.

Tiada pihak boleh disalahkan dalam melaksanakan INTERVENSI KKP walaupun selepas penyiasatan, intervensi itu dianggap tidak perlu.

No blame shall be put on any personnel raising OSH INTERVENTION even if upon investigation, the intervention is deemed unnecessary.

Polisi ini terpakai kepada semua staf, pelajar, dan orang awam yang berada di kampus ini.

This policy applies to all staff, students, and the public on the campus.

**HIDUP AMAT BERHARGA, BERANI UNTUK INTERVENSI  
LAKSANAKAN DENGAN RASA HORMAT, TERIMA DENGAN HATI TERBUKA  
LIFE IS PRECIOUS, DARE TO INTERVENE  
DO IT RESPECTFULLY, ACCEPT IT OPEN-HEARTEDLY**

Kelulusan: Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti  
(LPU) Bil. 4 (2019)

24 November 2019